



SIARAN MEDIA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

Laluan BAS.MY Kuching Q05M Saujana - SMK Agama Matang 2 bermula 6 Jun

KUCHING, 6 Jun - Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak, Encik Michael Kong Feng Nian bersama Pengarahnya, Puan Cornelia Wong Chui melakukan tinjauan pengoperasian laluan kelapan BAS.MY Kuching iaitu Saujana - SMK Agama Matang 2 bermula dari perhentian bas Kolej Vokasional Matang, petang tadi.

BAS.MY Kuching di laluan Q05M memulakan operasinya pada hari ini bermula dari **Stesen Bas Saujana** ke **SMK Agama Matang 2**, melibatkan **6 buah bas** baharu mesra OKU yang meliputi jarak sejauh **25.8km** dan **36 perhentian bas**.

Manakala jadual perjalanan bas tersebut bermula dari jam 5.30 pagi hingga 7.30 malam pada hari Isnin hingga Jumaat dengan kekerapan setiap 1 jam dan setiap 30 minit pada waktu puncak. Pada hari Sabtu dan Ahad pula, perjalanan bas bermula dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam. Orang ramai boleh merujuk jadual perjalanan bas yang dikongsikan melalui Facebook rasmi LPKP Sarawak dan BAS.MY Kuching.

Sementara itu, **kadar tambang** yang dikenakan adalah **bermula dari RM0.90 hingga RM3.30** berdasarkan jarak laluan bas dan pembayaran tambang adalah menggunakan kad debit, kad kredit, e-wallet serta wang tunai.

BAS.MY Kuching turut menyediakan kemudahan tambang percuma bagi golongan OKU, warga emas berumur 60 tahun ke atas, pelajar sekolah dan mahasiswa yang merupakan warganegara Malaysia dengan menggunakan Kad Konsesi BAS.MY yang boleh diperolehi daripada pihak pengendali laluan.

Manakala warganegara Malaysia yang lain pula digalakkan menggunakan kemudahan Pas 30 Hari dengan harga RM50 yang boleh digunakan tanpa had selama 30 hari di mana-mana laluan BAS.MY Kuching.

Setakat ini, sebanyak lapan laluan BAS.MY Kuching telah beroperasi sepenuhnya sejak diperkenalkan pada 5 Mac lepas. Sehubungan itu, orang ramai yang berada di laluan-laluan BAS.MY Kuching adalah diseru untuk menggunakan sepenuhnya perkhidmatan bas tersebut yang disediakan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sebagai alternatif mengurangkan kesesakan jalan raya di pusat Bandaraya Kuching.

-TAMAT-

Pertanyaan Media:

Tel: +6082 412033 (Talian Umum)

Emel: pertanyaan@lpkpsarawak.gov.my

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
6 JUN 2025